

# DISCOVER ECRL 2021 PERTANDINGAN FOTOGRAFI

## TERMA DAN SYARAT

Pertandingan Fotografi Discover ECRL 2021 (“Pertandingan”) ini dianjurkan oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) (dirujuk sebagai “Penganjur”). Dengan menyertai Pertandingan ini, anda telah memahami sepenuhnya dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Pertandingan ini.

Pertandingan ini merupakan secara atas talian melalui Aplikasi Instagram (“Instagram”). Pertandingan ini tidak ditaja, disokong atau dikawal oleh, atau mempunyai kaitan dengan Instagram. Instagram tidak memiliki sebarang liabiliti terhadap peserta dalam Pertandingan ini. Oleh itu, sebarang pertanyaan, komen atau bantahan mengenai Pertandingan ini harus dikemukakan kepada pihak Penganjur.

Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menerbitkan sebarang karya yang dihantar dan berhak menambah atau mengubah hasil karya untuk tujuan penerbitan.

Setiap gambar yang dihantar untuk Pertandingan ini adalah hak milik terpelihara oleh pihak Penganjur dan berkemungkinan akan digunakan oleh pihak Penganjur dan rakan medianya untuk tujuan pemasaran dan promosi pada masa akan datang.

### 1. Tarikh Mula/Tutup Penyertaan

- Pertandingan bermula dari **12 tengahari** pada **21 Mac 2021** dan berakhir pada **12 tengahari** pada **23 Mei 2021**.
- Pihak Penganjur berhak untuk mengubah atau menunda Tempoh Pertandingan atau sebarang tarikh mengikut budi bicara pihak penganjur.

### 2. Syarat Kelayakan

- Pertandingan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan keatas.
- Pihak Penganjur berhak untuk mengubah atau menunda Tempoh Pertandingan atau sebarang tarikh mengikut budi bicara pihak penganjur.
- Tema utama Pertandingan ini adalah “Tempat Pelancongan dan Rekreasi di Paya Besar”.  
Gambar yang di hantar/muatnaik HARUSLAH dari lokasi-lokasi yang terpilih di Paya Besar SAHAJA:

#### 10 Lokasi Pelancongan dan Rekreasi Terpilih di Paya Besar:

- a) Car Boot Sale, Laman 84, Taman Tas
- b) Gua Charas
- c) Hutan Lipur Air Terjun Jerangkang
- d) Bukit Sunrise
- e) Bukit Panorama
- f) Air Terjun Pelangi
- g) Air Terjun Berkelah
- h) Air Terjun Pandan
- i) Gunung Tapis
- j) Tasik Paya Bungor

- Setiap peserta boleh menghantar hasil karya tidak melebihi tiga (3) penyertaan bagi setiap pemegang akaun Instagram. Peserta tidak boleh mempunyai lebih dari satu akaun Instagram bagi tujuan Pertandingan ini.
- Jika para peserta ingin menghantar lebih daripada satu gambar, ianya perlu dimuatnaik dalam satu hantaran/*post*. Walaubagaimanapun, setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh pertandingan ini.

### 3. Cara Penyertaan

- Setiap peserta harus mendaftar untuk menyertai pertandingan ini dengan mengisi borang secara atas talian di <http://www.mrl.com.my/en/discover-ecrl-2021/>
- Pertandingan ini diadakan secara atas talian melalui Instagram, oleh itu, semua peserta harus memastikan akaun Instagram mereka dalam tetapan “Public” atau menutup tetapan “Private account”.
- Setiap gambar harus dimuatnaik bersama lokasi gambar yang diambil sebagai kapsyen dan tag akaun rasmi Instagram ECRL (@ecrlofficial)
- Setiap gambar perlu disertakan dengan tiga (3) *hashtag* di dalam kapsyen.

i. #ECRLPAYABESAR

ii. #DISCOVERECRL

iii. #PEKARAKYAT

- Setiap gambar perlu Menyebut/*Mention* akaun rasmi Instagram Kementerian Kewangan Malaysia (@mof\_malaysia) di dalam kapsyen.
- Semua peserta HARUS Mengikuti/*Follow* akaun media sosial rasmi ECRL di Instagram dan Facebook (@ecrlofficial) untuk menyertai Pertandingan ini.
- Para pemenang perlu mengemukakan gambar digital asli beresolusi tinggi (*high-resolution*) dalam format JPEG. Fail asli tersebut hanya akan digunakan sebagai bukti pemilikan gambar.
- Semua gambar mestilah dari hasil ciptaan asli para peserta

1) Tag @ecrlofficial dalam gambar

2) Masukkan lokasi gambar yang diambil didalam kapsyen bermula dengan "DISCOVER ECRL 2021"

3) Masukkan kesemua tiga (3) *hashtag* di dalam kapsyen

4) Sebut / *Mention* MOF Official Instagram Account @mof\_malaysia

4. **Hadiah dan Syarat Pengadilan**

- Penyertaan akan diadili oleh juri yang telah dipilih oleh pihak Penganjur.
- Pihak Penganjur tidak diwajibkan untuk memberi sebarang penerangan atau sebab terhadap keputusan yang telah dilakukan oleh Penganjur (samaada dari segi penggantungan, larangan atau pemilihan pemenang). Semua keputusan dari pihak Penganjur berkenaan dengan Pertandingan ini adalah muktamad.
- Hanya tiga (3) pemenang akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Utama, pemenang tempat Kedua dan Ketiga.

**Warganegara Malaysia (Berumur 18 tahun dan ke atas)**

- a. Hadiah Utama x1: RM2,500.00 Tunai
- b. Tempat Kedua x 1: RM1,500.00 Tunai
- c. Tempat Ketiga x1: RM1,000.00 Tunai

5. **Pengumuman Para Pemenang**

- Pemenang akan dimaklumkan melalui emel atau no. telefon yang disertakan dalam borang pendaftaran.
- Nama para pemenang bagi pertandingan ini akan disiarkan secara atas talian di laman sesawang Malaysia Rail Link Sdn Bhd di [www.mrl.com.my](http://www.mrl.com.my), akaun rasmi media sosial ECRL di Facebook, Instagram dan Twitter.
- Majlis penyampaian hadiah akan diadakan sebulan dari pengumuman nama pemenang oleh pihak Penganjur. Pihak Penganjur akan menghubungi para pemenang untuk memaklumkan mengenai Majlis Penyampaian Hadiah.